

18 JUN 1999

Umno-Ucapan (Reaksi)

UCAPAN BERTERUS TERANG DR MAHATHIR DISAMBUT BAIK

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Kalangan anggota UMNO menerima baik ucapan dasar Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menganggapnya sebagai menjawab segala tohmahan yang dilemparkan pihak pembangkang terhadap Umno, kerajaan dan peribadi beliau.

Mereka berpendapat segala perkara yang diutarakan oleh Dr Mahathir itu harus menjadi renungan rakyat Malaysia jika inginkan keamanan dan pembangunan negara yang dikecapi sekarang berkekalan.

Mengulas ucapan Dr Mahathir selaku Presiden pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini, Senator Rosli Mat Hassan berkata ucapan Presiden Umno itu padat dengan penjelasan mengenai segala tindakan yang telah diambil oleh kerajaan dalam menangani pelbagai kemelut politik dan ekonomi.

Beliau berkata menerusi ucapan itu, rakyat boleh membuat penilaian terhadap segala keikhlasan para pemimpin khususnya pemimpin Umno dalam menjamin kesejahteraan negara dan menentukan Malaysia dapat keluar daripada kegawatan ekonomi tanpa mengharapkan bantuan pihak asing terutamanya Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Rosli yang juga Setiausaha Agung Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia berkata ucapan Dr Mahathir hendaklah difikirkan dengan serius oleh rakyat terutama dalam menghadapi pilihan raya akan datang.

"Janganlah kerana ikutkan emosi, rakyat tersalah pilih kerajaan kerana tidak ada kerajaan lain di dunia yang mampu melakukan apa yang dicapai oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) terutama dalam mengekalkan perpaduan kaum serta pengagihan ekonomi yang sama rata antara kaum," katanya.

Ismail Tayib dari Kedah pula berpendapat ucapan Perdana Menteri itu membuktikan kesungguhan kerajaan dalam menjaga kepentingan rakyat dan menyelamatkan negara daripada dijajah daripada segi ekonomi oleh kuasa ekonomi barat.

Justeru itu, katanya rakyat Malaysia khususnya mereka yang selama ini memandang negatif terhadap usaha-usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara hendaklah memikirkan semula pendirian mereka dan sebaliknya menyokong segala usaha yang dijalankan oleh kerajaan.

Seorang anggota Umno dari Sabah, Asmin Nasir pula berkata rakyat Sabah pada pilihan raya negeri yang lepas telah membuktikan bahawa Umno serta BN masih relevan bagi meneruskan agenda pembangunan negeri dan negara.

Beliau berkata ucapan Dr Mahathir adalah sebagai ingatan kepada rakyat supaya jangan tersalah pilih kerajaan pada pilihan raya akan datang.

Katanya ini kerana tidak ada kerajaan lain yang dapat menandingi BN dan ini terbukti dengan kegagalan Parti Bersatu Sabah (PBS) ketika memerintah Sabah.

Pengerusi Penerbangan Malaysia (MAS) Tan Sri Tajudin Ramli berkata ucapan Perdana Menteri menaikkan semangatnya dan beliau gembira kerana peringatan Dr Mahathir kepada rakyat Malaysia itu dibuat kena pada masanya.

"Sebagai rakyat Malaysia, saya berpendapat ucapan itu penuh semangat kerana ia menyentuh kemerdekaan negara serta kehidupan rakyat dan bukan saja berkaitan perkara ekonomi," katanya.

Mengenai amaran Dr Mahathir berhubung usaha asing menjajah semula negara ini dalam bentuk baru, Tajudin bersetuju bahawa ancaman itu boleh berlaku dalam bentuk globalisasi.

"Selepas 42 tahun merdeka, kita tidak boleh benarkan perkara itu berlaku begitu saja dan dengan itu, kita tidak harus leka," katanya.

Tan Sri Rashid Hussain, pengerusi eksekutif Rashid Hussain Bhd,
menyifatkan ucapan itu sebagai sesuatu yang logik.

-- BERNAMA
SHO RIZ MAI